### Pemasa

Sama ada dalam mod standby atau on, ciri ini secara automatik menghidupkan TV ke nombor program tertentu, pada waktu tertentu.


- 1 Pilih **Pemasa** dengan kursor ke bawah.
- 2 Pilih **Pasang** dengan kursor ke kanan.
- 3 Tekan kursor ke kanan sekali lagi untuk memasuki senarai saluran.
- 4 Pilih saluran TV atau saluran luar yang anda ingin TV anda membukanya pada masa dan hari yang dipilih.
- 5 Tekan kursor ke kanan sekali lagi untuk memilih hari dalam minggu atau untuk memilih **Harian**.
- 6 Tekan kursor ke kanan sekali lagi untuk mengisi masa dengan kekunci angka atau dengan kursor ke atas/bawah dan tekan kekunci **OK** untuk mengaktifkannya.
- 7 Tekan kekunci **MENU** untuk menutupkan menu.

*Nota:*

- Untuk memeriksa penetapan pemasa anda, tekan kekunci **i+**.
- Hanya satu pemasa Pasang boleh ditetapkan.



## Dwi skrin/PIP/Multipip




Tekan kekunci **12** **Dwi skrin, PIP** atau salah satu daripada mod PIP mengikut pilihan format yang dibuat dalam senarai format PIP di menu Umum. Lihat Penetapan, Am, m.7.

Tekan kekunci **12** sekali lagi. Skrin yang mempunyai sempadan kuning akan menjadi gambar skrin utama penuh.

Nota:

- Terus menekan kekunci **12** akan mengitar TV melalui pelbagai format (Dwi skrin, PIP, PIP3 atau PIP 6), melancarkan format selepas setiap saat kekunci tersebut ditekan. Selepas TV tersebut sedia, kehendak yang ditetapkan dalam menu Penetapan, Am digunakan.
- Adalah tidak mungkin untuk memaparkan sumber HD di dalam skrin Dwi skrin/PIP.
- Apabila mod Dwi skrin dipilih, dua format gambar disokong. Skrin penuh atau format gambar peti surat 4:3 (ditekan secara menegak).
- Audio dari skrin kanan atau PIP dimainkan ke headphone.

### Pilihan Paparan



- Tekan kursor ke kanan untuk mencerahkan skrin kanan.
- Tekan kursor ke bawah untuk mencerahkan satu skrin PIP.
- Tekan kursor ke kanan untuk memasuki skrin Multipip dan kemudian gunakan kekunci kursor untuk mengemudi skrin PIP dan untuk mencerahkan skrin PIP.

### Menukar sumber saluran TV atau saluran luar di skrin kiri, kanan, PIP atau Multipip

- Tekan kekunci **-P+** atau kekunci **P+P** atau kekunci angka untuk menukar sumber saluran TV atau saluran luar di skrin yang diterangkan.

### Scan PIP3 atau PIP 6

Kemudi ke PIP terengah dan tekan kursor ke bawah untuk memaparkan siri skrin-skrin PIP.

### Tetapkan posisi dan saiz satu skrin PIP

- 1 Pilih mod Dwi skrin dengan satu skrin PIP.
- 2 Tekan kursor ke bawah untuk mencerahkan skrin PIP. Menu PIP muncul di mana anda boleh menetapkan posisi dan saiz skrin PIP tersebut.  
*Nota: Apabila masa menu PIP sudah tamat, tekan kekunci **OK** untuk membuatnya muncul semula.*
- 3 Tekan kursor ke bawah sekali lagi untuk memilih **Posisi** atau **Saiz**.
- 4 Tekan kekunci **OK** atau kursor ke kanan untuk mengaktifkannya.
- 5 Gunakan kekunci kursor untuk menetapkan posisi skrin PIP. Gunakan kursor ke kiri/kanan untuk menetapkan saiz skrin PIP.
- 6 Tekan kekunci **OK**. Menu PIP muncul semula.
- 7 Tekan kursor ke atas sehingga bahagian atas menu untuk mencerahkan skrin utama sekali lagi.
- 8 Tekan kekunci **OK** untuk menutup menu atau tunggu sehingga masanya tamat.


### Maklumat di skrin

Maklumat di skrin yang diterangkan, yang muncul apabila menukar saluran, selalu merujuk kepada skrin aktif.

## Teleteks

Kebanyakan saluran TV menyiarkan maklumat melalui teleteks. TV ini mempunyai memori 1200 muka surat yang akan menyimpan kebanyakan muka surat dan muka surat kecil yang dipancarkan untuk mengurangkan masa menunggu. Selepas setiap pertukaran program, memori akan diperbaharui.

### Memasang dan menutup Teleteks

Tekan  untuk memasang teleteks.



Program	Number	Program	Number
Index	100	News	300
BBC Info	110	Headlines	305
Children	120	Weather	400
Cookery	150	Sports	415
Education	200	Radio	500
Lottery	230	Travel	550
Finance	240	Subtitling	888
Music	280	TV Listings	600

### Pilih muka surat teleteks


- Isikan nombor muka surat yang diinginkan dengan kekunci angka, kekunci kursor ke atas/bawah, kiri/kanan atau dengan kekunci **-P+**.
- Buat pilihan di bahagian bawah skrin dengan kekunci berwarna.

### Muka surat teleteks yang dipilih sebelumnya

(Hanya boleh dilakukan sekiranya tiada senarai muka surat teleteks kegemaran yang ada. Lihat m.16.)

Tekan kekunci **P+P**.

### Pilih muka surat teleteks indeks

Tekan kekunci berwarna kelabu  to display untuk memaparkan indeks utama. (biasanya m.100).

#### Hanya untuk penyiaran teleteks T.O.P :

Tekan . Gambaran keseluruhan A.T.O.P. subejk teleteks yang ada dipaparkan.




Pilih dengan kursor ke atas/bawah an tekan kekunci **OK**.

Tidak semua saluran menyiarkan teleteks T.O.P.


### Pilih muka surat kecil

Apabila muka surat teleteks terdiri daripada muka surat kecil yang pelbagai, senarai muka surat kecil akan muncul di skrin. Tekan kursor ke kiri atau kanan untuk memilih muka surat kecil yang berikutnya atau sebelumnya.

### Gambar/Teleteks

- 1 Tekan kekunci . Tekan kekunci  untuk menunjukkan Teleteks di sebelah kanan skrin.
- 2 Tekan kekunci  untuk menutup dwi skrin.

### Memperbesarkan muka surat Teleteks

Tekan kekunci  berulang kali untuk memaparkan bahagian atas teleteks, bahagian bawah teleteks dan kemudian kembali ke saiz muka surat teleteks yang biasa. Apabila muka surat teleteks diperbesarkan, anda boleh menggelung teks, sebaris demi sebaris dengan menggunakan kursor ke atas/bawah.

### Hiperteks

Dengan hiperteks anda boleh meloncat dengan pantas ke sesuatu nombor muka surat atau mencari perkataan tertentu yang ditunjukkan di muka surat teleteks semasa.

- 1 Tekan kekunci **OK** untuk mencerahkan perkataan pertama atau nombor di muka surat.
- 2 Gunakan kursor ke atas/bawah, kiri/kanan untuk memilih sebarang perkataan atau nombor lain yang ingin dicari.
- 3 Tekan kekunci **OK** untuk mengesahkan. Pencarian bermula. Mesej muncul di bahagian bawah skrin untuk menandakan pencarian tersebut, atau yang menandakan perkataan atau muka surat tersebut tidak ditemui.
- 4 Use the cursor up to exit hypertext.

## Menu Teleteks

- 1 Tekan kekunci **MENU** untuk mengaktifkan menu ini.
- 2 Tekan kursor ke atas/bawah untuk memilih perkara-perkara menu.
- 3 Tekan kursor ke kanan untuk mengaktifkan.

### Dedahkan

Mendedahkan/menyembunyikan maklumat tersembunyi pada muka surat, seperti penyelesaian kepada teka-teki. Tekan kursor ke kanan untuk mengaktifkan.

### Kegemaran

Anda boleh mencipta senarai teleteks kegemaran sebanyak lapan muka surat, yang dipilih dari pelbagai saluran TV.

#### Untuk menambah muka surat kegemaran kepada senarai tersebut:

- 1 Pilih muka surat teleteks kegemaran.
- 2 Pilih **Kegemaran** di menu teleteks dan tekan kursor ke kanan untuk memasuki senarai tersebut.
- 3 Tekan kursor ke kanan sekali lagi untuk menambah muka surat.
- 4 Tekan kekunci **MENU** untuk melihat muka surat semasa.

#### Untuk melihat muka surat kegemaran daripada senarai:


Apabila berada di Teleteks, gunakan kekunci P+P untuk melihat-lihat muka surat kegemaran saluran TV yang dipilih.

*Nota: Hanya muka surat saluran semasa boleh dipilih.*

### Pencarian

Memilih perkataan

Pada papan kekunci di skrin anda boleh menaip perkataan secara rambang yang ingin dicari di dalam muka surat teleteks. Sama ada huruf besar atau kecil tidak memainkan peranan.



- 1 Tekan kursor ke kanan untuk memasuki papan kekunci.
- 2 Tekan kursor ke kiri/kanan, atas/bawah untuk memilih abjad, perkataan atau fungsi.  
*Nota: Hanya abjad Eropah dipaparkan.*
- 3 Tekan kekunci **OK** untuk mengesahkan setiap abjad yang dipilih.
- 4 Pilih **Batal** untuk membatalkan perkataan; **Ruang** untuk mengisi ruang; **Padam** untuk memadam abjad terakhir yang dipilih; **Pindah** untuk menukar di antara huruf kecil atau besar; **Khas** untuk memaparkan abjad khas pada papan kekunci dan tekan kekunci **OK**.
- 5 Tekan kursor ke kiri berulang kali untuk kembali ke menu Teleteks semula.

Mencari perkataan

- 1 Taip perkataan di skrin atau pilih perkataan dari senarai sejarah di sebelah kanan dan tekan **OK**.
- 2 Pilih **Terima** dan tekan **OK** sekali lagi. Mesej Mencari akan muncul.
- 3 Untuk membatalkan pencarian atau mencari perkataan baru, pilih **Papan Kekunci** dan tekan **OK**.
- 4 Apabila perkataan tidak ditemui, satu mesej akan muncul. Apabila perkataan ditemui, ia dicerahkan di dalam muka surat teleteks. Untuk menyambung pencarian, tekan kekunci **OK**.

### Pusingan muka surat kecil (jika ada)

Jadikan pusingan muka surat kecil automatik.

Tekan kursor ke kanan untuk mengaktifkan dan menyahaktifkan sekali lagi.

### Muka surat yang ditetapkan masanya

Untuk memaparkan muka surat tertentu daripada saluran TV yang dipilih pada waktu tertentu.


- 1 Tekan kursor ke kanan dan pilih **Ya** atau **Tidak**.
- 2 Isikan masa dan nombor muka surat dengan kekunci kursor atau kekunci angka.  
*Nota: Teleteks tidak perlu dipasang, tetapi anda harus menonton saluran TV yang mengandungi muka surat tertentu yang telah dipilih.*
- 3 Tekan kursor ke kiri untuk kembali ke menu TV semula.



## Menyambung Peranti Aksesori


Terdapat pelbagai jenis peranti audio dan video yang boleh disambungkan kepada TV anda. Rajah sambungan berikut menunjukkan cara untuk menyambungnya kepada TV.

**AV1** boleh menangani YPbPr, Y/C dan CVBS (Y); **AV2** YPbPr (RGB), CVBS dan Y/C; **HDMI (AV3)**; **Side (Sisi)**: CVBS dan Y/C.



## Perakam (VCR-DVD+RW)

Nota: Jangan letakkan perakam anda terlalu dekat dengan skrin kerana sesetengah perakam mungkin mudah diganggu isyarat daripada paparan. Kekalkan jarak minima sejauh 0.5 m dari skrin.




- 1 Sambungkan kabel Antena RF ① ke soket **RF IN** perakam anda.
- 2 Sambungkan kabel RF ② yang satu lagi dari output **OUT** perakam anda ke bicu 75 Ω  $\Gamma$  input TV.
- 3 Kualiti mainan semula yang lebih baik boleh diperolehi jika anda menyambungkan juga kabel AV ③ Video, Audio L(Kiri) dan R(Kanan) (hanya untuk peranti stereo) ke bicu input **CVBS**, **AUDIO L** dan **R**, **AV2**.

### Jika perakam anda mempunyai bicu video S-VHS:

Untuk kualiti gambar yang lebih baik, sambungkan kabel S-video dengan input **S-VIDEO** daripada menyambung perakam kepada bicu **CVBS AV2**. S-Video tidak menyediakan kabel audio, oleh itu kabel audio masih perlu disambungkan untuk memberikan bunyi.

## Perakam dan peranti A/V yang lain



- 1 Sambung kabel ① antena RF soket **RF IN** peranti AV anda yang lain.
- 2 Sambungkan output RF peranti AV kepada input RF perakam ②.
- 3 Sambungkan satu lagi kabel ④ RF dari output **OUT** perakam anda ke bicu 75 Ohm  $\Gamma$  input TV.
- 4 Untuk mendapatkan gambar yang lebih baik, sambungkan juga kabel Video atau S-Video, Audio kiri dan Audio peranti ke kanan kedua-dua **AV1** (Y atau **S-VIDEO**, **AUDIO L** dan **R**), ③ dan ke **AV2** (**CVBS** atau **S-VIDEO**, **AUDIO L** dan **R**) ⑤.


Nota:

- di dalam kes peralatan mono, hanya pembesar suara kiri menghasilkan bunyi. Gunakan mono kepada penyesuai stereo (tidak dibekalkan) bagi penghasilan bunyi melalui semua pembesar suara dalaman.
- apabila menggunakan penyambung **S-VIDEO** jangan sambungkan sebarang peranti ke input **CVBS**, **AV2** atau **Y**, **AV1**.

Penyambung **MONITOR OUT** boleh digunakan untuk rantaian daisy atau merakam program dari TV ⑥. Hanya apabila perakam disambungkan ke **MONITOR OUT** barulah boleh merakam program dari peranti lain yang disambungkan ke TV.

Lihat Merakam dengan perakam anda, m. 20.

## Pemain DVD atau peranti sumber digital aksesori lain



### Peranti dengan Penyambung Output Video Komponen (YPbPr)

- 1 Sambungkan tiga kabel video komponen yang berasingan ① ke peranti yang mempunyai output video komponen (YPbPr), seperti pemain DVD, pemain cakera laser, pemain permainan video, penerima satelit atau peralatan lain, dan ke bicu Y, Pb dan Pr AV1 atau AV2 di TV.
- 2 Sambungkan kabel audio ke bicu AUDIO L dan R ② peranti dan ke bicu audio L dan R, AV1 atau AV2.

### Peranti dengan output RGB

- 1 Sambungkan peranti dengan output RGB output dengan sync Mendatar dan Menegak yang berasingan ke bicu input Pr/R Pb/B Y/G ① dan ke biku H dan V AV2 ③.
- 2 Sambungkan kabel audio ke bicu audio L dan R AV2.

### Peranti dengan penyambung S-Video


- 1 Sambungkan kabel S-Video ke input AV1 atau AV2 S-VIDEO.  
*Nota: Apabila menggunakan penyambung S-VIDEO jangan sambungkan sebarang peranti ke input AV2 CVBS atau AV1 Y.*
- 2 Sambungkan kabel audio ke bicu AUDIO L dan R peranti dan ke bicu audio L dan R AV1 atau AV2 di TV.

#### Nota:

- Label bagi soket video komponen mungkin Walaupun singkatannya mungkin berbeza, huruf-huruf B dan R bererti isyarat komponen biru dan merah, dan Y menandakan isyarat 'luminance'. Rujuk kepada arahan pemain DVD atau peranti untuk digunakan bagi definisi dan butir-butir sambungan.
- Televisyen ini direka untuk menerima piawaian isyarat definisi tinggi 480p, 720p, 1080i dan 1152i seperti yang ditentukan oleh piawaian EIA770.3 Persatuan Industri Industri Elektronik.
- Peranti digital dari pengeluar lain mungkin mempunyai piawaian output yang berlainan boleh menyebabkan kesukaran bagi televisyen untuk memaparkan dengan baik.

**Amaran:** jika anda melihat imej yang bergelung, warna yang salah atau tiada warna, tiada gambar, atau malah kombinasi-kombinasi ini di skrin anda, periksa sama ada sambunga dilakukan dengan cara yang betul atau gerakkan peranti digital anda lebih jauh dari TV anda. e in the correct way or move your digital device further away from your TV.

## Penerima Surround berbilang saluran




- 1 Sambungkan kabel audio ke penerima Surround berbilang saluran dan ke AUDIO RECEIVER L dan R bersebelahan dengan penyambung CENTRE TV ①.
- 2 Jika anda inginkan pembesar suara TV anda untuk bertindak sebagai speaker tengah, sambungkan juga kabel audio ke penerima Surround berbilang saluran dan ke penyambung CENTRE TV ② anda.
- 3 Pilih Centre Input On di menu Sumber (lihat m. 9).

Pembesar suara TV sekarang akan hanya menghasilkan bunyi tengah, pembesar suara yang disambungkan ke penerima audio akan menghasilkan Bunyi Surround. Volum harus dikawal melalui penerima Surround berbilang saluran.

*Nota: Tiada bunyi yang akan kedengaran apabila saluran TV atau sumber luar dihalang melalui menu Kunci Saluran. (lihat m. 13).*

## Penyambung HDMI (Antara Muka Multimedia Definisi Tinggi)



HDMI ialah piawaian terkini bagi antara sambungan audio dan video Definisi Tinggi Digital. Misalnya dengan kotak atas Penetapan Digital, dengan peranti yang dilengkapi HDMI seperti PC, DVD-R, penerima AV...

*Nota: Penyambung HDMI bersesuaian dengan peranti DVI dan kabel pertukaran HDMI ke DVI disediakan (Kemudian sambungkan juga kabel-kabel audio)*

Penyambung **HDMI IN** membenarkan

- mod paparan TV dan monitor yang berikut:


EDTV	640/720 x 480p	
	720 x 576p	
HDTV	1280 x 720p	
	1920 x 1080i	
	1152i	
VGA	640 x 480	60 Hz
SVGA	800 x 600	60 Hz

- 1 Sambungkan output HDMI digital peranti HD anda (misalnya PC, pemain DVD, Kotak Atas Penetapan) ① ke penyambung **HDMI** TV anda.
- 2 Di dalam kes peranti HD-DVI (dan jika terdapat audio) disambungkan, sambungkan juga kabel audio ② ke output **AUDIO** peranti HD anda dan ke **R** (kanan) and **L** (kiri) input **HDMI (AV3)** panel TV.

*Nota:*

- Fungsi yang baik hanya boleh dijamin dengan produk-produk pelanggan yang menuruti HDMI;
- Peranti Digital dari pengeluar yang berlainan mungkin mempunyai piawaian output yang berbeza yang boleh menyebabkan kesukaran bagi televisyen untuk mempunyai paparan yang sempurna;
- Jika televisyen itu sejuk, ia mungkin mempunyai 'kelipan' apabila dipasang. Ini adalah perkara biasa, tiada apaapa masalah dengan televisyen tersebut.


## Menyambung subwoofer tambahan



Untuk meningkatkan penghasilan semula bunyi TV anda, anda boleh menyambung subwoofer yang dikuasai dari luar (di antara 20 dan 250 Hz).

- 1 Sambungkan kabel audio cable subwoofer luar ke soket **SUBWOOFER** di bawah TV anda.
- 2 Pilih **Subwoofer** di dalam menu Penetapan, Am, m.7.
- 3 Laraskan frekuensi subwoofer luar kepada 100-120 Hz (mengikut kehendak peribadi anda) jika ada pada subwoofer.
- 4 Laraskan paras volum subwoofer luar, dengan andaian kawalan ini ada pada subwoofer.  
Lihat juga buku panduan subwoofer luar.



## Sambungan sisi




### Kamera, Permainan atau Camcorder


- 1 Sambungkan kamera anda, permainan atau camcorder seperti yang ditunjukkan.
- 2 Sambungkan kepada **VIDEO ②** dan **AUDIO L ③** untuk peralatan mono. Untuk peralatan stereo juga sambungkan **AUDIO R ③**. Kualiti S-VHS dengan camcorder S-VHS diperolehi dengan menyambung kabel S-VHS dengan input **S-VIDEO ①** dan input **AUDIO ③**.  
*Jangan sambungkan kabel ① dan ② pada masa yang sama. Ini boleh menyebabkan gangguan pada gambar!*

### Headphone

- 1 Masukkan palam ke dalam soket headphone  seperti yang ditunjukkan.
- 2 Tekan  pada alat kawalan jauh untuk menutup pembesar suara dalaman TV.  
*Peredam headphone mesti di antara 8 dan 4000 Ohm. Soket headphone mempunyai bicu 3.5 mm.*  
Di dalam menu Bunyi pilih **Volum Headphone** untuk melaraskan volum headphone.

## Untuk memilih peranti yang disambungkan



- 1 Tekan kekunci  berulang kali untuk memilih **AV1, AV2, HDMI (AV3), Side (Sisi)** atau **Saluran TV**, mengikut di mana anda telah menyambungkan peranti anda.
- 2 Tekan kursor ke atas/bawah.
- 3 Tekan **OK**.

## Merakam dengan perakam anda

### Merakam program TV

Anda boleh merakam program TV dengan menggunakan penala perakam anda tanpa menjejaskan TV anda.

- 1 Pilih nombor saluran di perakam anda.
- 2 Tetapkan perakam anda untuk merakam.  
Lihat buku panduan untuk perakam anda.

*Menukar nombor saluran di TV anda tidak akan mengganggu rakaman!*


### Merakam dari MONITOR OUT program

Anda boleh merakam program di perakam anda dari penala TV melalui **MONITOR OUT**.

- 1 Pasangkan peranti tersebut.
- 2 Pilih saluran atau peranti yang diinginkan pada TV anda dan input yang betul pada perakam anda.
- 3 Tetapkan perakam anda untuk merakam. Anda merakam saluran penalaan TV atau peranti yang dipilih.

*Jangan menukar saluran atau menutup TV anda apabila anda sedang merakam melalui **MONITOR OUT**.*

## Kekunci peralatan audio dan video



Alat kawalan jauh sistem ini mengendalikan peralatan Philips yang berikut: TV, VCR, DVD, DVD/R, SAT (RC5/RC6), AMP (+PENALA), CD, CD/R.

Tekan kekunci **Pilih** untuk mengendalikan sebarang peralatan yang ditunjukkan di paparan (**AUX** = CD; **DVD/R** = DVD, **SAT** = SAT (RC5)). Satu lagi peranti boleh dipilih dengan menekan **Pilih** berulang kali dalam masa 2 saat. Led akan berkelip dengan perlahan untuk menandakan peranti tersebut.

Tekan salah satu daripada kekunci pada alat kawalan jauh untuk mengendalikan peralatan persisian.

Untuk kembali ke mod TV tekan **Pilih** semasa led sedang berkelip.

Apabila tiada tindakan dibuat dalam masa 60 saat, alat kawalan jauh pergi semula ke mod TV.

Apabila anda tidak inginkan alat kawalan jauh untuk pergi semula ke mod TV, dan untuk terus berada di mod yang dipilih, teruskan seperti berikut:

Pilih mod yang diinginkan dengan kekunci **Pilih**. Tunggu sehingga tiada LED yang menyala. Tekan kekunci **Pilih** sekali lagi secara serentak dengan kekunci **OK** untuk sekurang-kurangnya 2 saat. Alat kawalan jauh tidak akan pergi semula ke mod TV mulai sekarang dan akan kekal di mod yang dipilih.

Untuk kembali ke penetapan sedia ada bagi alat kawalan jauh (mod TV) ulang apa yang telah diterangkan di atas, dengan memilih mod TV.

*Nota: Apabila kekunci **Pilih** ditekan dan dipegang selama lebih dari 2 saat, sistem RC5/RC6 memilih arahan yang dihantar.*


- |    |                                                                                                                   |       |                                                                                                                       |
|----|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| ⏻  | Untuk menukar kepada sedia                                                                                        | ℹ     | Maklumat paparan                                                                                                      |
| ⏸  | Untuk berehat sekejap ( <b>VCR, DVD, CD</b> ) Berita RDS/TA ( <b>AMP</b> ); Untuk mengocok semula ( <b>CD/R</b> ) | MENU  | Untuk memasang atau menutup                                                                                           |
| ●  | Untuk merakam                                                                                                     | - P + | Untuk memilih bab, saluran, trek 0 to 9                                                                               |
| ⏮  | Untuk mengundur semula ( <b>VCR, CD</b> ); mencari ke bawah ( <b>DVD, AMP</b> )                                   | P+P   | Indeks pita ( <b>VCR</b> ); pilih tajuk/bab DVD, pilih frekuensi ( <b>AMP</b> )                                       |
| ■  | Untuk berhenti                                                                                                    |       | Kursor ke atas/bawah Untuk memilih cakera berikutnya atau sebelumnya ( <b>CD</b> )                                    |
| ▶  | Untuk main                                                                                                        |       | Kursor ke kiri/kanan Untuk memilih trek sebelumnya atau berikutnya ( <b>CD</b> ) mencari ke atas/bawah ( <b>AMP</b> ) |
| ▶▶ | Untuk maju ke hadapan ( <b>VCR, CD</b> ); mencari ke atas ( <b>DVD, AMP</b> )                                     |       |                                                                                                                       |
| ⏭  | Untuk berehat seketika ( <b>CD/R</b> )                                                                            |       |                                                                                                                       |
| ☰  | Paparan RDS ( <b>AMP</b> ); Untuk memilih pilihan bahasa sarikata anda ( <b>DVD</b> );                            |       |                                                                                                                       |

Sebagai tambahan, penunjuk **DVD/R, SAT** dan **AUX** boleh diprogram untuk mengendalikan DVD-R, DVD + penerima, DVD-R + penerima, SAT (RC6), CD-R dan VCR sebaliknya.

- 1 Pilih **TV** dengan kekunci **Pilih**.
- 2 Untuk memprogram
  - **DVD-R**, tekan kekunci **OK** + angka 2;
  - **SAT (RC6)**, tekan kekunci **OK** + angka 4;
  - **CD-R**, tekan kekunci **OK** + angka 6;
  - **DVD** + penerima, tekan kekunci **OK** + angka 7
  - **DVD-R** + penerima, tekan kekunci **OK** + angka 8;
  - **VCR**, tekan kekunci **OK** + angka 9;
- 3 Pilih penunjuk **DVD/R, SAT, AUX** yang sepadan. Alat kawalan jauh akan mengendalikan DVD-R, DVD atau DVD-R anda secara gandingan dengan penerima (**DVD/R**), SAT (RC6)(**SAT**), CD-R atau VCR(**AUX**).

*Nota: Untuk kembali ke mod yang diprogram di kilang, sama ada keluarkan bateri untuk beberapa minit atau tekan kekunci **OK** + angka 1 (mod DVD); atau + angka 3 (SATRC5) atau + angka 5 (mod CD)*

## Tip

<b>Penjagaan skrin</b>	Jangan sentuh, tolak atau gosok atau ketuk skrin dengan sesuatu yang keras kerana ini boleh mencalar, merosakkan skrin buat selama-lamanya. Jangan gosok dengan kain habuk yang mempunyai rawatan kimia. Jangan sentuh permukaan dengan tangan atau kain bergris (sesetengah kosmetik berbahaya kepada skrin). Cabutkan palam TV sebelum membersihkan skrin. Apabila permukaan menjadi berabuk, sapukan dengan perlahan menggunakan kapas serap atau bahan lembut lain seperti kain serap kamois. Jangan gunakan acetone, toluene dan alkohol kerana ia boleh menyebabkan kerosakan kimia. Jangan gunakan pembersih cecair atau aerosol. Sapukan air ludah atau titisan air secepat mungkin. Sentuhannya pada skrin untuk jangka masa yang lama akan menyebabkan kecacatan dan kelunturan warna.
<b>Gambar kurang baik</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sudahkah anda memilih sistem TV yang betul di menu pemasangan manual?</li> <li>• Adakah TV atau aerial rumah anda terlalu dekat dengan pembesar suara, peralatan yang tidak dibumikan atau lampu neon, dll.?</li> <li>• Gunung-gantang atau bangunan tinggi boleh menyebabkan gambar berganda atau imej berkabus. Kadang-kala anda boleh memperbaiki kualiti gambar dengan menukar arah aerial.</li> <li>• Adakah gambar atau teleteks tidak boleh dikenali? Periksa sama ada anda telah memasukkan frekuensi yang betul. Lihat buku panduan pemasangan, m.6.</li> <li>• Adakah kecerahan, ketajaman dan kontras di luar pelarasan? Pilih penetapan Kilang di dalam Penetapan. Menu Am, m. 7.</li> </ul>
<b>Tiada gambar</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Adakah kabel yang dibekalkan disambung dengan sempurna? (Kabel aerial ke TV, aerial yang satu lagi ke perakam anda, kabel kuasa.)</li> <li>• Adakah kunci kanak-kanak ditutup?</li> <li>• Sudahkah PC anda dipasang?</li> <li>• Adakah anda melihat skrin hitam dan penunjuk di hadapan lampu TV, ini bermakna mod paparan tidak disokong. Tukarkan sumber HDMI untuk memperbetulkan mod.</li> <li>• Di dalam isyarat lemah atau tidak baik, rujuk kepada penjual anda.</li> </ul>
<b>Gangguan digital</b>	Kualiti rendah sesetengah bahan gambar digital mungkin menyebabkan gangguan imej digital. Di dalam kes ini pilih penetapan Lembut menggunakan menu Gambar, Gambar Bijak, tanpa menukar penetapan gambar secara manual.
<b>Tiada bunyi</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada bunyi pada sebarang saluran? Periksa volum tidak pada paras minimum.</li> <li>• Adakah bunyi diganggu dengan kekunci senyap ?</li> </ul>
<b>Tiada penyelesaian ditemui untuk masalah gambar atau bunyi anda?</b>	Tutupkan TV anda dan kemudian pasangannya semula. Jangan cuba untuk memperbaiki kerosakan gambar atau TV anda sendiri. Periksa dengan penjual anda atau hubungi tekniyen TV.
<b>Alat kawalah jauh</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Periksa sama ada alat kawalan jauh berada di dalam mod yang betul.</li> <li>• Jika TV anda tidak lagi bertindak kepada alat kawalan jauh, bateri mungkin sudah kehabisan.</li> <li>• Anda masih boleh gunakan kekunci <b>MENU</b> dan kekunci <b>-/+</b> di sebelah kanan TV anda.</li> </ul>
<b>Sedia</b>	TV Anda menggunakan tenaga di dalam mod sedia. Penggunaan tenaga menyumbang kepada pencemaran udara dan air. Penggunaan kuasa: 2W.
<b>Gambar VGA yang tidak stabil atau tidak selaras</b>	Periksa sama ada anda telah memilih mod VGA yang betul di PC anda.
<b>Lain-lain</b>	Lihat Tambahan, Spesifikasi di CD ini.

### Amaran mengenai gambar tak bergerak dalam skrin TV

Salah satu ciri-ciri TV Plasma adalah pameran imej yang sama untuk masa yang lama boleh mengekalkan imej tersebut dalam kaca TV. Ini dinamakan pembakaran fosfor. Penggunaan biasa TV patut melibatkan gambar yang sentiasa bergerak dan bertukar.

Contoh imej yang tidak bergerak (ini bukan senarai yang lengkap, anda mungkin mengalami contoh yang berlainan):

- **Menu TV;**
- **Bar Hitam:** apabila bar hitam muncul di bahagian kiri dan kanan kaca TV, adalah disyorkan menukar format gambar supaya gambar tersebut memenuhi keseluruhan ruang kaca TV;
- **Logo rangkaian TV:** menimbulkan masalah sekiranya ia cerah dan tidak bergerak;
- **Pelekat bursa saham:** yang dipamerkan di bahagian bawa kaca TV;
- **Logo rangkaian membeli-belah dan pameran harga:** terang dan sentiasa dipamerkan atau dipamerkan berulang-ulang di lokasi yang sama. Contoh gambar yang tidak bergerak adalah logo-logo, imej komputer, pameran masa, teleteks dan imej dalam mod 4:3, imej statik, dan lain-lain.

Peringatan:

- Sila kurangkan kecerahan dan keterangan semasa menonton.

- **Sekiranya kebakaran dalam kaca TV berlaku, imej tersebut akan berkekalan.**